

TASAWUR TEORI PEMBANGUNAN LAZIM: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF TASAWUR ISLAM

(Conventional Development Theory Worldview: An Analysis from the
Islamic Worldview Perspective)

MOHD SHUKRI HANAPI*

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Dalam membangunkan negara umat Islam dan menyelesaikan masalah berkaitan Islam, ada sesetengah pihak dalam kalangan umat Islam mendakwa teori pembangunan lazim (PL) boleh digunakan asalkan ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Pemikiran sebegini telah lama wujud dalam ekonomi Islam. Ia dikenali sebagai aliran pemikiran *akomodatif-modifikasi* dengan sifat *elektisme-metodologik*. Berhubung isu inilah, kajian ini dilakukan bagi mencapai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti latar belakang kemunculan teori PL serta tasawurnya dan kedua, menganalisis tasawur teori PL tersebut daripada perspektif tasawur Islam. Kajian kualitatif yang berbentuk penjelasan ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen-elemen tasawur teori PL. Kajian ini mendapati teori PL tidak boleh digunakan untuk membangunkan negara-negara umat Islam dan menyelesaikan masalah berkaitan Islam, kerana falsafah atau tasawurnya jelas berpaksikan Falsafah Pasca-Klasikal dan Falsafah Radikal. Apabila teori PL berpaksikan kedua-dua falsafah ini, maka matlamat akhir pembangunan itu hanya terhad untuk mendapatkan keuntungan ekonomi semata-mata; manusia dianggap sebagai makhluk ekonomi; menafikan Allah SWT sebagai Pencipta sumber alam; agama dianggap sebagai alat pembangunan dan elemen-elemen asas tasawurnya hanya berbentuk mendatar (tidak mempunyai hubungan dengan Allah SWT).

Kata kunci: Teori; pembangunan lazim; analisis; tasawur Islam, *akomodatif-modifikasi*

*Corresponding author: Mohd Shukri Hanapi, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia, mel-e: hshukri@usm.my/hshukeri@yahoo.com.
Diserahkan: 21 Mei 2015
Diterima: 13 Oktober 2015
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-0901-04>

ABSTRACT

In developing of Muslim countries and in solving Islamic-related problems, some Muslims hold to the belief that conventional development theory can be used as long as they are not contrary to Islamic teaching. Exactly, this pattern of thinking has existed for quite some time especially in the Islamic economy. It is known as the accommodative-modification school of thought with the eclectism-methodological characteristics. Based on this issue, this article attempts to study the conventional development theory. It is carried out based on the qualitative research to achieve two objectives. Firstly, to identify the emergence of conventional development theory and its worldview; and secondly, to analyze the worldview of this conventional development theory from the Islamic worldview perspective. In attaining all the objectives, an exploratory qualitative and descriptive research using content analysis method is employed. The content analysis method is used to identify and analyse the elements of conventional development theory worldview. The results from these showed that this conventional development theory can not be used in developing of Muslim countries and in solving Islamic-related problems. This is because the philosophy or its worldview is clearly centered on the Post-Classical Philosophy and Radical Philosophy. When the conventional development theory centered on these both philosophy, the ultimate goal of development only limited to profit purely economic; humans are considered as beings of the economy; denying Allah SWT as the Creator of the natural resources; religion is considered as a development tool and its worldview basic elements only shaped horizontal (do not have a relationship with Allah SWT).

Keywords: *Theory; conventional development; analysis; Islamic worldview; accommodative-modification*

PENGENALAN

Kebiasaannya, dalam menyelesaikan masalah berkaitan Islam, teori-teori pembangunan lazim (PL) sering diakomodasi dan dimodifikasi pada bahagian tertentu agar ia selari dengan Islam. Hal ini bagi membolehkan pembangunan yang dilaksanakan itu dapat dikatakan sebagai pembangunan berteraskan Islam (PBI). Golongan yang menggunakan teori-teori PL berpandangan ia boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah berkaitan Islam asalkan teori-teori tersebut tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Pemikiran sebegini telah lama wujud dalam ekonomi Islam. Ia dikenali sebagai aliran pemikiran *akomodatif-modifikasi* dengan sifat *elektisme-metodologik*.

Pendekatan *akomodatif-modifikasi* merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran ekonomi bukan Islam untuk menjadikannya sebagai ekonomi Islam. *Eklektisme-metodologik* pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, memilih-milih perkara yang dirasakan baik daripada pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam ekonomi Islam. Pendekatan *akomodatif-modifikasi* dan *eklektisme-metodologik* ini memberikan hujah bahawa sumbangan daripada sumber-sumber disiplin lain seperti teori neoklasikal patut diterima (Muhammad Syukri Salleh 2011).

Hujah logik yang sering dikemukakan oleh para pemikir daripada aliran pemikiran *akomodatif-modifikasi* dan *eklektisme-metodologik* ini adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh Mohammad Umar Chapra (2001) dan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Menurut Mohammad Umar Chapra (2001), ekonomi Islam boleh mengguna pakai teori-teori ekonomi konvensional sekiranya teori-teori ini tidak bertentangan dengan struktur logik pandangan hidup *worldview* Islam. Begitulah juga dengan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) yang berpandangan ekonomi Islam sebagai gabungan unik antara prinsip syariah dengan ekonomi konvensional. Selagi konsep dan prinsip ekonomi konvensional tidak kontradik dengan prinsip Islam, ia boleh diadaptasi dalam ekonomi Islam.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011), kewujudan pendekatan *akomodatif-modifikasi* dan *eklektisme-metodologik* ini adalah sebagai akibat daripada kecelaruan para pendukungnya tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional ekonomi Islam. Peringkat falsafah ekonomi Islam mencakupi komponen-komponen yang menjadikan terbinanya kerangka ekonomi Islam mengandungi tasawur, dasar falsafah dan definisi konsep-konsep ekonomi Islam. Peringkat operasional ekonomi Islam pula mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, dan kaedah-kaedah pelaksanaan ekonomi Islam. Ia merupakan komponen-komponen yang membolehkan ekonomi Islam direalisasikan. Antara kedua-dua peringkat ini, tunjangnya adalah peringkat falsafah, manakala komponen-komponen dalam peringkat operasional akan terbentuk mengikut tunjang falsafah. Jika hanya komponen-komponen dalam peringkat operasional yang dipilih-pilih, diakomodasi dan seterusnya dimodifikasi mengikut Islam, sedangkan kerangkanya di peringkat falsafah kekal bertunjangkan kerangka ekonomi konvensional, maka komponen-komponen dalam peringkat operasional tidak akan menjadi Islam secara hakiki.

Berhubung isu *akomodatif-modifikasi* dengan sifat *eklektisme-metodologik*, kajian ini dilakukan bagi mencapai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti tasawur teori PL; dan kedua, menganalisis tasawur teori PL dari perspektif tasawur Islam. Dalam analisis ini, kaedah analisis kandungan digunakan. Analisis ini hanya berdasarkan penulisan-penulisan teori PL sedia ada.

KAJIAN LITERATUR

Latar Belakang Kemunculan Teori Pembangunan Lazim

Peperangan Dunia Kedua pada tahun 1945 memberi implikasi cukup besar terhadap negara-negara Eropah Barat, iaitu mengalami kemusnahan dalam berbagai-bagai aspek (Muhammad Syukri Salleh 2003), antaranya kemusnahan daripada aspek infrastruktur dan ekonomi (Rahimah Abdul Aziz 2001). Setelah itu, negara Barat masing-masing berusaha memikirkan langkah-langkah untuk kembali membangun. Bermula dari sinilah para sarjana Barat berusaha membina beberapa teori pembangunan lazim (selepas ini diringkaskan kepada PL) yang diyakini mampu untuk membangunkan kembali negara-negara yang telah musnah (Muhammad Syukri Salleh 2003; Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Yusoff 2003).

Teori PL merupakan teori pembangunan dominan di dunia hari ini. Ia bermula pada 1945 di Eropah Barat dan semakin mempengaruhi pembangunan dunia pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an (Rahimah Abdul Aziz 2001; Muhammad Syukri Salleh 2003). Kemunculan teori PL dikatakan sedikit sebanyak menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh negara-negara Eropah Barat akibat daripada perang dunia kedua. Antaranya ialah berusaha membangunkan kembali infrastruktur dan ekonomi. Hasilnya kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (Ataul Huq Pramanik 1998; Ab. Razak Dan 2004) pendapatan per kapita negara-negara Eropah Barat tersebut telah meningkat (Ab. Razak Dan 2004). Walau bagaimanapun, M. Umer Chapra (1992) berpandangan peningkatan tersebut tidak semestinya meningkatkan taraf kesejahteraan hidup manusia yang sebenarnya. Oleh itu, KDNK bukan ukuran yang baik untuk mengukur kesejahteraan hidup manusia dalam sesebuah negara.

Kelahiran teori PL tidak terhad kepada pembangunan di negara-negara Eropah Barat sahaja. Sebaliknya diguna juga oleh negara-negara Dunia Ketiga seperti di negara Amerika Latin, Afrika dan Asia (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Yusoff 2003). Negara-negara Dunia Ketiga ini memiliki kekayaan sumber alam, namun tidak mempunyai kemampuan dan kemahiran meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi. Oleh sebab itulah negara-negara Dunia Ketiga menggunakan teori PL yang dikemukakan oleh pemikir-pemikir Barat. Bagi mereka pertumbuhan ekonomi yang pesat boleh mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran, ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan melalui proses penitisan ke bawah. Bermula dari sinilah teori-teori PL digunakan secara meluas di negara-negara Dunia Ketiga (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Yusoff 2003; Syed Othman Alhabshi 2007).

Sekalipun hal ini mempamerkan negara-negara Barat berusaha membangunkan negara-negara Dunia Ketiga dengan memperkenalkan teori-teori PL, tetapi pada masa yang sama berjaya mengaut hasil kekayaan sumber alam dari negara-negara Dunia Ketiga itu (Mohd Fauzi Mohd Harun & Ahmad Fauzee Abdullah 2007). Negara-negara Eropah Barat yang berinteraksi terus dengan kekayaan sumber alam Negara Dunia Ketiga mendapat hak yang dipanggil hak primer. Manakala Negara Dunia Ketiga yang tidak mempunyai kekuatan untuk mengeluarkan sendiri hasil kekayaan sumber alam mendapat hak yang dipanggil hak sekunder. Hak sekunder diperoleh melalui pengagihan lebihan daripada hak primer negara-negara Eropah Barat sebagai pengeluar selepas keperluan mereka dipenuhi (Muhammad Syukri Salleh 2003).

Setelah negara-negara Dunia Ketiga mengamalkan teori-teori PL ini selama lebih satu dekad, didapati kadar pertumbuhan ekonomi hanya merupakan satu keperluan, tetapi tidak cukup untuk mengatasi masalah sosioekonomi yang dihadapi (Syed Othman Alhabshi 2007). Misalnya, masalah kemunduran dan pembangunan tidak seimbang di negara-negara Dunia Ketiga masih juga gagal diatasi (Jomo K.S. & Shamsulbahriah Ku Ahmad 1986). Bahkan teori-teori PL ini telah menambahkan lagi kadar kemiskinan, pengangguran dan jurang antara golongan kaya dengan yang miskin. Masalah ini semakin bertambah dengan wujudnya kadar inflasi yang tinggi kerana kekurangan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat. Hal ini membuktikan sistem kapitalis dan sosialis bukanlah model yang boleh digunakan untuk membangunkan negara-negara kurang membangun, lebih-lebih lagi negara-negara umat Islam (Mohd. Nasir Omar 2008).

Selain itu, teori PL yang dikemukakan oleh pemikir-pemikir Barat berdasarkan pengalaman dan dialektik sejarah kehidupan yang ditempuh oleh masyarakat mereka. Aliran pemikiran teori PL boleh dilihat daripada beberapa ideologi seperti kapitalisme dan sosialisme (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Yusoff 2003). Menurut M. Umer Chapra (1979), amat sukar untuk menyangkal kecekapan sistem kapitalis dalam pengeluaran barang-barang peralatan dan pencapaian taraf hidup. Begitu juga amat sukar menafikan tentang kadar pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh sistem sosialis. Walau bagaimanapun, kedua-dua sistem tersebut hanya bersumberkan akal semata-mata, dengan mengabaikan tuntutan rohani manusia.

Tasawur Teori Pembangunan Lazim

Berdasarkan penelitian terhadap latar belakang kemunculan teori-teori PL sebelum ini, paling tidak terdapat empat elemen utama tasawurnya. Keempat-empat elemen tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, secara asasnya teori PL lahir daripada tasawur pemikiran Barat yang tidak menjadikan agama sebagai asasnya (Mohd. Kamal Hassan 1988), malah ia terbina daripada hujah-hujah akal dan rasional semata-mata iaitu pemikiran pengasas-pengasas teori pembangunan yang terikat dengan falsafah PL (Fadzila Azni Ahmad 2010), sama ada yang bercorak pemikiran Konservatif/Tradisional atau Progresif/Radikal (Rahimah Abdul Aziz 2001). Misalnya, sistem pembangunan kapitalis yang lahir daripada pemikiran Konservatif/Tradisional didapati mempunyai pandangan sejarah berbentuk tahap pertumbuhan *linear* (garis lurus) daripada tahap rendah ke tahap lebih tinggi. Ia berasaskan pandangan akal semata-mata yang mengandaikan semua negara mesti berkembang menurut satu set peringkat pembangunan yang tetap, bermula dari peringkat kurang membangun atau mundur kepada peringkat maju atau membangun (Foster-Carter 1989) dengan berpegang kepada teori tahap-tahap pertumbuhan yang dikemukakan oleh Rostow sekitar akhir tahun 1950-an hingga 1960-an (Mohd Fauzi Mohd Harun & Ahmad Fauzee Abdullah 2007). Menerusi teori-teori tahap pertumbuhan yang dikemukakan, Rostow (1964) menganggap setiap masyarakat perlu melalui lima tahap pertumbuhan untuk sampai ke tahap negara maju. Lima tahap pertumbuhan tersebut ialah tahap masyarakat tradisional, tahap peralihan sebelum pelancaran *pre-take-off*, tahap pelancaran *take off*, tahap kematangan, dan tahap kepenggunaan massa yang tinggi *high mass consumption*.

Selain itu, falsafah Marxisme yang lahir daripada pemikiran Progresif/Radikal mempunyai tahap-tahap pembangunan tersendiri. Ia dikemukakan oleh Karl Marx sebagai reaksi terhadap teori tahap-tahap pertumbuhan Rostow (Nor Aini Idris 2004). Tahap-tahap pembangunan tersebut ialah tahap masyarakat primitif, tahap pembentukan masyarakat kapitalis dan akhirnya tahap masyarakat sosialis atau komunis (Muhammad Syukri Salleh 2003; Nor Aini Idris 2004). Berdasarkan tahap-tahap pembangunan yang lahir daripada pemikiran Karl Marx ini, jelaslah mempamerkan bahawa falsafah Marxisme turut berpegang kepada teori tahap-tahap pertumbuhan yang lahir daripada pemikiran Rostow (Muhammad Syukri Salleh 2003).

Semua contoh yang dikemukakan sebelum ini mempamerkan tasawur PL hanya berasaskan kepada pandangan Barat, dan meyakini semua masalah kehidupan hanya dapat diselesaikan dengan menggunakan akal fikiran semata-mata.

Kedua, tasawur PL sama ada falsafah pembangunan kapitalisme atau Marxisme meyakini bahawa masyarakat tradisional (Rostow 1964), keterhadan sumber alam, kekurangan modal, kekurangan daya pengeluaran (Lewis 1982) dan kebergantungan kepada negara-negara lain sebagai elemen-elemen yang menghalang pembangunan (Jomo K.S & Shamsulbahriah Ku Ahmad 1986; Fadzila Azni Ahmad 2010).

Dengan wujudnya elemen-elemen ini, kekuatan ekonomi sebagai penggerak utama pembangunan kapitalisme dan Marxisme menjadi terhad. Seterusnya menyebabkan berlaku kemunduran dan kegagalan mencapai matlamat pembangunan sebagaimana yang dikehendaki (Fadzila Azni Ahmad 2010). Dengan kata lain, kedua-kedua falsafah pembangunan kapitalisme dan Marxisme meletakkan pembangunan ekonomi sebagai matlamat utama pembangunan, malah ia menjadi penentu kepada kejayaan atau kegagalan aspek-aspek lain dalam pembangunan (Muhammad Syukri Salleh 2002). Oleh itu, segala unsur yang berpotensi dapat meningkatkan pembangunan ekonomi akan diusahakan dengan kadar maksimum. Hal ini termasuk juga tanggapan bahawa manusia merupakan pelaku pembangunan sebagai makhluk ekonomi hanya berfungsi sebagai pengeluar dan pengguna semata-mata (Fadzila Azni Ahmad 2010).

Ketiga, tasawur PL hanya mengutamakan aspek kemajuan fizikal atau material semata-mata. Perkara-perkara yang berkaitan prinsip-prinsip agama, pendidikan akhlak dan sosial diabaikan (Abd al-Hamid 1998). Misalnya, melalui kelima-lima tahap pembangunan yang diperkenalkan sebelum ini, Clements (1980) berpendapat bahawa Rostow (1964) menyamakan pembangunan dengan kemampuan sesebuah negara untuk menabung, melabur, meningkatkan produktiviti dan pendapatan per kapita. Begitu juga teori-teori yang lahir daripada pemikiran Konservatif/ Tradisional seperti sistem pembangunan kapitalis didapati berpegang kepada perdagangan bebas, hak milik bebas, kuasa pasaran, tingkat-tingkat pertumbuhan dan sebagainya (Muhammad Syukri Salleh 2003). Berhubung hal ini, Todaro (1977) berpendapat pembangunan mesti mempunyai tiga tujuan asas. Pertama, peningkatan serta perluasan pelbagai barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan perlindungan. Kedua, peningkatan taraf hidup bukan hanya dalam bentuk peningkatan pendapatan, tetapi juga meliputi penambahan lapangan kerja, perbaikan kualiti pendidikan dan kemanusiaan. Ketiga, mempelbagaikan pengeluaran ekonomi dan sosial bagi memenuhi keperluan individu mahupun negara. Demikian juga dengan teori Marxisme yang menganggap pembangunan sebahagian daripada konsepsi kebendaan semata-mata (Nyang 1976).

Perbincangan ini jelas mempamerkan PL bermatlamat memaksimumkan pengeluaran pelbagai barang keperluan asas, peningkatan taraf hidup, penambahan peluang kerja, perbaikan kualiti pendidikan, kemanusiaan, ekonomi, sosial dan sebagainya bagi memenuhi keperluan negara dan masyarakat. Sekadar memenuhi kepuasan pengguna di dunia semata-mata, aspek *mardat* Allah (keredaan Allah) dan pencapaian *al-Falah* (kejayaan) akhirat tidak langsung ditonjol dan dititikberatkan.

Keempat, dalam PL agama dijadikan alat kepada pembangunan dan bukannya pembangunan menjadi alat kepada agama. Misalnya, Todaro (1977) daripada

aliran pemikiran Konservatif/Tradisional meyakini kejayaan pembangunan fizikal dan material akan memperbaiki kehidupan spiritual, bukannya spiritual yang akan memperbaiki pembangunan fizikal dan material. Pandangan Todaro (1977) ini selari dengan Lewis (1982) yang berpandangan bahawa pertumbuhan ekonomi bergantung kepada sikap dan pemikiran manusia terhadap kerja, kekayaan, berjimat cermat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi lebih mudah berjaya jika agama diubah suai dan menghalalkan segala perubahan yang bergerak ke arah kemajuan yang diterokai oleh sistem sedia ada (sistem sekular). Dalam perkataan lain, untuk memperoleh kemajuan, agama tidak boleh menyekat sebarang kaedah dan pengeluaran yang dihasilkan (Sobri Salamon 1998).

Walaupun Todaro (1977) dan Lewis (1982) menyentuh unsur spiritual atau agama, namun ia dianggap bukan sebahagian daripada pembangunan. Mereka meletakkan agama ke tahap rendah kerana menghendaki agama menyokong sistem sekular supaya pembangunan terus mengalami kemajuan tanpa ada halangan. Dalam hal ini, agama dilihat menjadi alat kepada pembangunan, bukannya pembangunan menjadi alat kepada agama. Jelas di sini teori PL yang mempercayai manusia boleh dan patut menguruskan pembangunan ekonomi tanpa mengambil kira ajaran agama.

METODOLOGI

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan. Secara lebih terperinci, sumber data dalam kajian ini dikelompokkan kepada tiga bahagian. Kelompok data sumber utama ialah al-Quran. Kelompok data sumber kedua ialah karya berkaitan pembangunan lazim atau konvensional. Kelompok data sumber ketiga pula adalah karya berkaitan pembangunan berteraskan Islam. Disebabkan data yang dikumpulkan adalah daripada sumber wahyu, tesis, buku dan jurnal, justeru ia dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis method*).

HASIL DAN PERBINCANGAN

Semua perbincangan tentang tasawur teori PL sebelum ini mempamerkan elemen-elemen utama tasawur PL yang mempunyai kelemahan sepertimana kritikan Mahmoud Ahmadinejad (2009), Presiden Republik Islam Iran dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-64 menyatakan seperti berikut:

Sistem dan teori pembangunan Barat seperti kapitalis hanya mementingkan aspek material semata-mata. Mereka berusaha membawa keluar kekayaan negara-negara lain untuk pembangunan ekonomi negara-negara tertentu. Semua negara dunia dipaksa mengikut aliran pemikiran pembangunan yang

mereka cetuskan. Kesan daripada itu akan timbul masalah-masalah seperti ketidakadilan, penindasan, kezaliman, penipuan, dan kemiskinan yang semakin berleluasa di dunia.

Pandangan Mahmoud Ahmadinejad (2009) ini mempamerkan kelemahan sistem kapitalis yang bersifat individualistik dan mengutamakan keuntungan peribadi serta kepuasan diri lebih dari segalanya.

Selain itu, berdasarkan Dialog Antara Agama sempena Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Ke-5 di Seoul, Korea Selatan, pada 23-25 September 2009, Nik Mustapha Nik Hassan (2009) merumuskan seperti berikut:

Majoriti pesertanya berpendapat bahawa pendekatan semasa yang digunakan bagi menyusun dan membangunkan ekonomi negara yang ditunjangi sistem liberal-kapitalisme menjadi punca kepada kemelut ekonomi dunia sekarang. Ia boleh menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat akibat daripada tekanan ekonomi terhadap masyarakat dunia dan masa depan keadaan ekonomi yang belum menentu. Bahkan dalam keadaan ekonomi tidak menentu, didapati kadar kemiskinan, pengangguran, kos sara hidup dan hutang pada peringkat individu dan negara terus meningkat. Akibatnya, mereka menuntut supaya kembali memberi perhatian kepada panduan agama.

Berdasarkan perbincangan ini, didapati tidak wujud asas perhubungan antara manusia dan sumber alam dengan Allah SWT dalam pembentukan tasawur PL sama ada yang bersumberkan pemikiran Konservatif/Tradisional atau Progresif/Radikal. Asas pembentukannya tertumpu kepada analisis terhadap *habl min al-Nas* (hubungan mendatar) dan mengetepikan *habl min Allah* (hubungan menegak). Pengutamaan keupayaan ekonomi dalam PL seperti memaksimumkan pengeluaran dan penggunaan jelas menafikan Allah SWT sebagai Pencipta dan sekali gus menafikan keredaan-Nya yang sepatutnya dijadikan matlamat akhir.

Oleh sebab tasawur Islam yang mencorakkan matlamat dan hala tuju kehidupan manusia, maka pembangunan yang muncul daripada tasawur lazim (Falsafah Pasca-klasikal dan Falsafah Radikal) yang didukung kuat oleh sistem liberal-kapitalis dan sosialis-komunis tidak boleh dikatakan sebagai PBI.

Dalam keadaan ini, matlamat pelaksanaan PL juga tidak akan berjaya dicapai. Kalau berjaya pun, hanya di dunia sahaja. Malahan pembangunan yang dilaksanakan tidak kukuh dan banyak kelemahan. Bukti tentang perkara ini jelas tercatat dalam al-Quran. Misalnya, peristiwa yang menimpa Kerajaan Saba' (terletak di daerah Yaman dengan ibu kotanya Ma'rib) pada tahun 120 sebelum Masihi. Kemakmuran dan pembangunan negeri Saba' tidak kekal lama apabila penduduk Saba' lupa dan

berpaling daripada agama Allah SWT. Mereka tenggelam dalam kekufuran dan bermacam-macam kemewahan dunia. Akhirnya Allah SWT menghancurkan umat Saba'. Empangan Ma'rib telah runtuh dan menyebabkan berlakunya *sayl al-'Arim* (banjir *al-'Arim*) (Ibn Kathir 1992).

Jika diteliti, pembangunan yang dibina oleh Kerajaan Saba' hanya mementingkan aspek hubungan mendatar dan mengetepikan hubungan menegak. Pengutamaan keupayaan ekonomi seperti memaksimumkan pengeluaran dan penggunaan oleh kaum Saba' telah menafikan Allah SWT sebagai Pencipta dan sekali gus menafikan keredhaan-Nya yang seharusnya dijadikan matlamat akhir. Selain itu, fungsi manusia juga turut bertentangan dengan elemen asas tasawur Islam yang kedua iaitu manusia sebagai makhluk (hamba dan khalifah Allah SWT). Bagi mereka, manusia dianggap sebagai makhluk ekonomi yang fungsinya hanyalah untuk mengeluarkan dan mengguna semata-mata.

Sedangkan berdasarkan tasawur Islam, manusia selaku makhluk Allah SWT mempunyai fungsi lebih khusus daripada itu. Aktiviti pengeluaran dan penggunaan hanyalah sebahagian daripada alat untuk manusia menjalankan atau mempertahankan fungsi khusus yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi ini (Muhammad Syukri Salleh 2003). Pertanggungjawaban fungsi manusia telah ditetapkan sebelum kelahiran seseorang manusia sewaktu di alam roh (*al-A'raf* 7: 172). Fungsi khusus manusia dalam teori ilmu PBI sebagai hamba dan khalifah Allah SWT ini direalisasikan menerusi dua dimensi perhubungan. Fungsi manusia selaku hamba Allah SWT direalisasi menerusi hubungan menegaknya dengan Allah SWT (*habl min Allah*) selaku Pencipta. Manakala fungsi sebagai khalifah Allah SWT direalisasikan dalam hubungan mendatar sesama manusia dan sumber alam selaku makhluk Allah SWT (*habl min al-Nas.*)

Atas sebab-sebab itu, teori ilmu PBI mesti dibina dan lahir daripada acuannya sendiri iaitu daripada epistemologi dan tasawur Islam. Atas sebab itu jugalah tidak boleh ada sistem PBI yang lahir daripada campur aduk antara epistemologi dan tasawur Islam dengan epistemologi dan tasawur lazim. Hanya dengan epistemologi dan acuan tasawur Islam sendiri sahajalah maka akan lahir PBI yang tulen.

KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa teori PL tidak boleh digunakan untuk membangunkan negara umat Islam dan sekali gus untuk menyelesaikan masalah berkaitan Islam. Hal ini paling tidak kerana tujuh

sebab utama. Pertama, berasaskan hujah akal, rasional dan ilmu *daruri* semata-mata, iaitu pemikiran pengasas teori pembangunan yang terikat dengan falsafah PL iaitu Pasca-Klasikal dan Radikal. Kedua, hanya memperjuangkan kejayaan dan kebahagiaan di dunia atau aspek fizikal semata-mata. Ketiga, agama dilihat sebagai alat kepada pembangunan. Keempat, hanya mempunyai dua elemen asas iaitu hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan sumber alam. Kelima, menafikan Allah SWT sebagai Pencipta sumber alam dengan berkeyakinan sumber alam itu wujud dengan tidak ada sesiapa pun yang menciptakannya. Keenam, manusia dianggap sebagai haiwan ekonomi. Ketujuh, beranggapan agama sebagai penghalang pembangunan. Tindakan memilih-milih perkara yang dirasakan baik daripada PL dan menggunakannya secara kolektif dalam PBI adalah tidak betul. Tidak mungkin PBI tulen dapat dibina dan dilaksanakan selagi acuannya masih bertunjangkan falsafah atau tasawur lazim.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian yang berjudul *Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Berdasarkan Hadith dalam Sahih al-Bukhariy* (16 Ogos 2014-15 September 2016) yang dibiayai oleh Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang [304/CISDEV/6313062].

RUJUKAN

- Ab. Razak Dan. 2004. Kajian Ekonomi Pembangunan. Dlm. Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak Dan (pnyt.). *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd al-Hamid, Muhsin. 1998. *Islam dan Pembangunan Sosial al-Islam wa al-Tanmiyyat al-Ijtima'iyat*. Terj. Abd. Rahim Mu'ti. Selangor: The International Institute of Islamic Thought (ISTAC) dan Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Abdel Rahman Yousri Ahmed. 2002. A Methodological Approach to Islamic Economics: Its Philosophy, Theoretical, Construction and Applicability. Dlm. Habib Ahmed (pnyt.). *Theoretical Foundations of Islamic Economics*. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff. 2003. *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ataul Huq Pramanik. 1998. *Pembangunan dan Pengagihan dalam Islam (Development and Distribution in Islam)*. Terj. Amar Said. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- Clements, Kevin. P. 1980. *From Right to Left in Development Theory*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Fadzila Azni Ahmad. 2010. *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia-Pemenang Anugerah Tesis Doktor Falsafah Terbaik Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin 2009*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Foster-Carter, Aidan. 1989. *Sosiologi Pembangunan (The Sociology of Development)*. Terj. Rahimah Abdul Aziz. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il. 1992. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jld. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Jomo K.S. & Shamsulbahriah Ku Ahmad. 1986. *Teori Pembangunan Ekonomi Satu Ulasan Kritis Terhadap Pendekatan Sedia Ada*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Lewis, W. Arthur. 1982. *Teori Pertumbuhan Ekonomi (Some Aspects of Economic Development)*. Terj. Bahagian Buku Pelajar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- M. Umer Chapra. 1979. *Objectives of the Islamic Economics Order*. Leicester, UK: The Islamic Foundation.
- M. Umer Chapra. 1992. *Islam and the Economic Challenge*. Leicester, UK: The Islamic Foundation.
- Mahmoud Ahmadinejad. 2009. *Teks Lengkap Pidato Presiden Ahmadinejad pada Sidang Majlis Umum PBB ke-64*. http://swaramuslim.net/berita/more.php?id=5844_0_12_0_M [30 September 2009].
- Mohd Fauzi Mohd Harun & Ahmad Fauzee Abdullah. 2007. *Kemiskinan Mengikut Teori Konvensional dan Perspektif Islam*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Mohd. Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Nasir Omar. 2008. Islam dan Pembangunan Ummah: Pengalaman Malaysia. Dlm. Abdul Rahman Mahmood *et al.* (pnyt.). *Dinamika Pemikiran & Budaya Islam Malaysia Indonesia*. Bangi, Selangor: Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Umar Chapra. 2001. *What is Islamic Economics*. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Muhammad Syukri Salleh. 2002. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003. *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2011. Pemikiran Ekonomi Islam Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Islam di Alam Melayu. Anjuran Program Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati Bandung (PPS UIN SGD) dengan kerjasama Akademi Siswazah Universiti Malaya, Malaysia (APIUM). Gedung Merdeka Bandung, Indonesia, 20-22 November.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2009. Pendekatan Islam Penyelesai Krisis Ekonomi. *Berita Harian*, Jumaat, 2 Oktober: 36.
- Nor Aini Haji Idris. 2004. Teori Pembangunan Ekonomi. Dlm. Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak Dan (pnyt.). *Teori Pertumbuhan dan Perkembangan Ekonomi*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Nyang, S. Sulaiman. 1976. The islamic state and economic development: A theoretical analysis. *The Islamic Culture* 50: 10-13.
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Rostow, W. W. 1964. *The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto*. London: Cambridge University Press.
- Sobri Salamon. 1988. *Konflik Antara Islam dan Marxisme dan Satu Kes Kajian Kedudukan Islam di USSR dan China*. Selangor: al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Syed Othman Alhabshi. 2007. Mengurus Pembangunan Dari Perspektif Islam. Dlm. Muhammad Hisyam Mohamad (pnyt.). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Todaro, Michael P. 1977. *Economic Development in the Third World*. London: Longman Group Limited.

